

06/10/1997

Masyarakat perlu bersatu

MIRI, Ahad - Rakyat di negeri ini diminta terus bersatu hati dan berdiri teguh di belakang kerajaan dalam menghadapi sebarang cabaran yang boleh mengugat kestabilan dan keamanan negara khususnya dari pihak luar.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam, berkata rakyat juga perlu berani dan tidak mudah putus asa serta bersedia untuk menghadapi saingan dan kritikan yang bertujuan menjejaskan kemakmuran negara ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri berkata, negara akan terus kukuh jika rakyat dapat memberi sokongan padu kepada kerajaan khususnya ketika dilanda pelbagai masalah besar seperti pernah dialami sebelum ini.

Menurutnya, rakyat perlu sama-sama melindungi negara ini dari sebarang ancaman dan tidak harus membiarkan kerajaan sendirian menyelesaikan setiap masalah yang wujud.

"Apabila rakyat dan kerajaan sama-sama berganding bahu dan bersatu hati menghadapi setiap cabaran serta masalah, maka sudah tentu negara akan terus kukuh.

"Jika kita berpecah, musuh dari luar mudah memporak-perandakan negara ini.

"Kita sudah buktikan sebelum ini, berkat bersatu hati, kita dapat menyelesaikan masalah besar seperti ketika menghadapi ancaman Cossackie B.

"Jadi kita tidak nampak kenapa kita tidak boleh berbuat demikian di masa depan," katanya ketika berucap di majlis sambutan ulang tahun sambutan ke-20 penubuhan Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) cawangan Miri di sebuah hotel terkemuka di sini, malam tadi.

Hadir sama ialah Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Peter Chin Fah Kui; Pengerusi Pergerakan Pemuda SUPP Pusat, Lee Kim Shin dan Ketua Pergerakan Pemuda Miri, Andy Chia.

Dr Chan berkata, pelbagai kemajuan sudah dicapai oleh negara ini di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ia perlu dipertahankan daripada anasir luar yang berniat membinasakannya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau berkata banyak pengajaran diterima sama ada oleh kerajaan atau rakyat ketika serangan virus Cossackie B dan jerebu sebelum ini.

Menurutnya, selain membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu, rakyat juga mengkaji sendiri sejauh mana komitmen mereka untuk menghadapinya.

(END)